

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PETANI TERJEJAS AKIBAT COVID-19**

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Adakah Kerajaan Negeri melakukan semakan terperinci terhadap petani yang terjejas akibat Covid19 dan berapakah jumlah mereka?
- Nyatakan bantuan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada petani yang terjejas.

**JAWAPAN:**

- Jabatan telah mendapatkan maklum balas dari semua penternak akuakultur yang berdaftar melalui Pejabat-pejabat Perikanan Daerah bagi mengenal pasti bilangan sebenar penternak yang terjejas ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) wabak COVID 19. Hasil dari semakan peringkat awal yang dibuat, seramai 131 penternak akuakultur dari pelbagai kategori kecil dan sederhana yang menjalankan pelbagai jenis sistem ternakan seperti kolam dan sangkar telah dikenal pasti terjejas. Walaupun jualan hasil ternakan terjejas kerana permintaan yang jatuh mendadak, rata-rata penternak akuakultur memerlukan bantuan input makanan bagi memastikan aktiviti ternakan mereka terus bertahan. Dalam masa yang sama, bagi memastikan kelangsungan jualan hasil ternakan, Jabatan turut menghubungkan penternak dengan FAMA. Hasil dari semakan, Jabatan mengenal pasti bahawa pengusaha ikan hiasan dan benih ikan juga terjejas.

Bagi kategori nelayan pula, pada peringkat PKP 1, kategori nelayan yang dikenal pasti terjejas teruk adalah nelayan dari Zon A diikuti Zon B dan C. Penutupan pasar awam, restoran, kilang pemprosesan dan pergerakan fizikal yang terhad adalah antara punca yang menyumbang kepada aktiviti menangkap ikan. Nelayan kategori ini juga tidak mempunyai tempat penyimpanan ikan yang besar (*cold room*), untuk menyimpan hasil tangkapan. Pada peringkat PKP seterusnya, sementara situasi nelayan Zon A dan B semakin baik, situasi nelayan bagi Zon C dilihat lebih memburuk berikutan ramai kru asing yang bekerja di atas bot Zon C telah pulang ke negara masing-masing. Walau bagaimanapun, nelayan kategori ini masih mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan masih mampu bertahan untuk satu tempoh masa yang lebih lama sehingga wabak COVID 19 dapat dikawal. Manakala bagi nelayan di kategori A dan B juga turut terjejas berikutan kekurangan permintaan selepas jeti serta pasar awam ditutup yang menyebabkan nelayan kategori ini sukar untuk memasarkan hasil tangkapan. Semasa peringkat

PKP 1-3 juga, Jabatan telah mengenal pasti aktiviti seramai 46 orang nelayan darat di Bernam yang terjejas.

- b) Bagi meringankan beban golongan petani, penternak dan nelayan, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan khas berjumlah RM3,000,000.00 berbentuk bantuan makanan, insentif input pertanian, peralatan dan petrol serta peruntukan untuk memasarkan produk mereka melalui Program Selangor Agro Market (SAM) – Pasar segar Terkawal (SAM – PST). Pecahan pemberian bantuan dan insentif tersebut adalah seperti berikut:-

1. Program Bantuan Makanan – RM500,000.00

- 1.1 Jumlah penerima adalah seramai 5,000 orang terdiri daripada semua golongan pengusaha sektor pertanian termasuk barisan hadapan (frontliners) dengan nilai RM100.00 setiap bungkus yang mengandungi produk-produk makanan seperti beras, tepung, gula serta hasil produk IAT dan produk segar.

2. Program SAM – PST – RM1,000,000.00

- 2.1 Program tersebut telah memberikan manfaat kepada seramai 275 pengusaha dengan pembelian sejumlah 713.00 mt bernilai RM1,180,703.30.

3. Program Bantuan Kepada Pengusaha

- 3.1 Pecahan pemberian bantuan yang telah diluluskan kepada golongan petani, penternak, nelayan dan usahawan produk proses seramai 2,744 orang adalah seperti berikut:-

- a) Bantuan Input Pertanian – RM441,500.00 (858 orang)
- b) Bantuan Makanan Ternakan – RM 116,400.000 (111 orang)
- c) Bantuan Makanan (Akuakultur) – RM120,000.00 (131 orang)
- d) Bantuan Nelayan (Petrol) – RM254,100.00 (847 orang)
- e) Bantuan Usahawan Produk Proses (IAT) – RM560,000.00 (800 penerima)
- f) Bantuan Nelayan Darat (Petrol dan Kit Keselamatan air ) – RM13,800.00 (46 orang)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS**

**(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : KESTABILAN POLITIK KERAJAAN NEGERI**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kesan ADUN Kerajaan yang hilang kepercayaan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri?
- b) Apakah tindakan kepada Ahli Majlis yang tidak menyokong Kerajaan Negeri?
- c) Adakah krisis ini menganggu kepercayaan pelabur untuk datang ke Selangor?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : WABAK DENGGI**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berikan statistik beserta tarikh jumlah tertinggi kes Denggi baharu dan kematian dalam seminggu yang pernah dicatatkan.
- Sejauhmanakah keberkesanan usaha pengawalan wabak Denggi di Selangor berdasarkan statistik terkini?

**JAWAPAN:**

- Kes tertinggi dicatatkan Minggu Epidemiologi (ME) 3/2020 (12 Januari sehingga 18 Januari 2020) iaitu sebanyak 2026 kes. Manakala 4 kematian tertinggi secara mingguan dicatatkan pada ME 8/2020 (16 hingga 22 Februari 2020) dan ME 14/2020 (29 Mac hingga 4 April 2020).
- Peranan komuniti adalah langkah penting dalam kawalan wabak Denggi dan bukan bergantung sepenuhnya kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Setiap aktiviti Denggi di peringkat daerah samaada melibatkan program atau gerak kerja di mana-mana premis adalah mengikut *standard garis panduan* yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Aktiviti utama yang dilaksana adalah:

- Penghapusan tempat pembiakan nyamuk
- Semburan ruang termal
- Semburan ULV
- Aktiviti Pendidikan kesihatan Denggi
- Aktiviti penguatkuasaan/ perundungan

Bagi membasmi masalah Denggi antara usaha yang perlu dilaksana termasuklah:

- Membincangkan isu Denggi di peringkat daerah secara terperinci untuk tindakan yang diambil oleh pihak terlibat melalui Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dihadiri oleh kesemua agensi terlibat seperti PKD, PBT, Ahli Majlis dan sebagainya.

- ii. Membincangkan isu serta punca pembiakan Denggi di lokasi terlibat bersama penduduk/ ahli majlis/ DUN agar dapat diambil tindakan bersama.
- iii. Menggiatkan penggunaan repellan dan semburan aerosoal dalam kalangan pesakit demam Denggi dan komuniti.
- iv. Memperkasakan peranan penduduk/ agensi terlibat melalui penubuhan pasukan COMBI bagi melaksana aktiviti pencegahan Denggi (pemusnahan tempat pembiakan Denggi serta pendidikan kesihatan Denggi) di lokaliti berkenaan.
- v. Melaksana program gotong-royong berfokus bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk bersama masyarakat di lokaliti berkenaan.
- vi. Menjalankan Program Selangor Bebas Aedes tempat Kerja dan Kuarters.
- vii. Mengukuhkan Program Bebas Denggi Sekolah.
- viii. Aktiviti penguatkuasaan seperti pengeluaran notis Seksyen 8 di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 kepada penduduk/ pemunya premis berpotensi pembiakan aedes. Bagi premis positif pembiakan aedes, tindakan kompaun atau penutupan premis disusuli tindakan mahkamah boleh diambil. Kegagalan mematuhi notis seksyen 8 atau tidak membayar kompaun, tindakan mahkamah akan diambil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENGURUSAN PELAJAR UNISEL DAN KUIS SEPANJANG PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah jumlah pelajar yang tinggal di kampus sepanjang PKP dan bagaimana pengurusan kebaikan mereka?
- Berapakah perbelanjaan keseluruhan Kerajaan Negeri untuk menguruskan pelajar ini sepanjang PKP?

**JAWAPAN:**

**UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)**

- Sepanjang PKP terdapat sejumlah 23 pelajar di Asrama UNISEL Shah Alam (AUSA) dan 25 pelajar yang tinggal di Kolej Kediaman UNISEL Kampus Bestari Jaya. Dari sejumlah 48 pelajar ini, 46 merupakan pelajar antarabangsa dan hanya 2 pelajar warganegara Malaysia. Selain itu terdapat sejumlah 70 pelajar tempatan yang tinggal di rumah-rumah sewa sekitar Shah Alam dan 21 pelajar antarabangsa yang tinggal di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Jumlah pelajar yang kecil dan keadaan awal adalah terkawal adalah disebabkan UNISEL pada waktu itu sedang dalam cuti penghujung Semester November 2019 bagi kesemua kalender akademik Pascasiswazah, Sarjana Muda/ Diploma dan Program Asas. Pelajar tempatan yang berada di sekitar kampus adalah dalam kalangan pelajar yang sedang menjalani latihan praktikal.

Sebaik sahaja WHO mengisyiharkan bahawa wabak COVID-19 telah sampai ke peringkat pandemik pada 11 Mac 2020, UNISEL telah melaksanakan langkah-langkah awal. Antara langkah awal adalah:

- Naib Canselor UNISEL telah mengeluarkan arahan bagi persediaan menghadapi pandemik COVID-19 menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Kali ke-216, bertarikh 9 Mac 2020.
- UNISEL juga telah bertindak segera dengan membatalkan/menangguhkan semua program Mobiliti Outbound pelajar ke Thailand, Vietnam dan Indonesia pada 11 Mac 2020.

- (iii) Memulakan perancangan awal sejak bulan Februari 2020 berkaitan kuliah secara atas talian bagi Semester April menerusi jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri). Pihak Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) dan Pusat Pembelajaran Digital dan Multimedia Universiti Selangor (PPDM) telah memulakan pelan tindakan sejak Februari 2020 bagi menjalankan kelas secara atas talian secara sepenuhnya. Pelan tindakan ini berkuatkuasa pada 19 Mac 2020 bagi pengendalian kuliah semester baru yang bermula pada 6 April 2020. Pelaksanaan kuliah menerusi atas talian adalah di portal e-learning Unisel yang turut dilengkapkan dengan aplikasi Big Blue Button (<http://owc.unisel.edu.my/b/>) dan Google Meet .
- (iv) UNISEL juga telah bersedia mendapatkan arahan dan makluman terkini dari Kementerian Kesihatan Malaysia berhubung persediaan menghadapi wabak.

Sebaik sahaja Kerajaan Malaysia mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020, Naib Canselor UNISEL telah mengumumkan dua hebahan penting berkaitan usaha menangani pandemik ini:

- (i) 18 Mac 2020 - PEKELILING KHAS PEJABAT PRESIDEN & NAIB CANSELOR - Perintah Kawalan Pergerakan Dan Arahan Bekerja Dari Rumah
- (ii) 23 Mac 2020 – PERUTUSAN KHAS NAIB CANSELOR – Penubuhan Pasukan Pengurusan Krisis Menangani Pendemik Covid-19. Pasukan Ini Diketuai Oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Pelajar Dan Jaringan Komuniti).

### **INISIATIF UNISEL**

Sembilan belas inisiatif telah dimulakan dan dilaksanakan oleh UNISEL sebaik sahaja pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP):

- (i) Penubuhan Jawatankuasa berkaitan kebijakan pelajar di peringkat Jabatan Hal Ehwal Pelajar pada 17 Mac 2020. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memastikan kebijakan dan keselamatan semua pelajar.

- (ii) Menyediakan pasukan sokongan di kedua-dua asrama yang terdiri dari para pegawai HEP dan felo Kolej Kediaman. Ini bagi memastikan kebajikan pelajar terjamin.
- (iii) Mengetatkan kawalan keluar-masuk kampus-kampus UNISEL bagi menghadkan pergerakan komuniti dalam kampus dan sekitar dalam usaha mengurangkan risiko.
- (iv) Penubuhan pasukan khas disinfeksi di bawah OSHA dan Fakulti Sains Kesihatan bagi persediaan khas menangani wabak. Pasukan ini turut terlibat dengan proses disinfeksi Pusat Islam dan Masjid UNISEL Bestari Jaya pada 18 Mac 2020.
- (v) Melaksanakan tinjauan segera dengan mengeluarkan arahan kepada semua staf dan pelajar yang berisiko untuk membuat deklarasi berkaitan keberadaan dan status kesihatan terkini.
- (vi) Menyediakan bantuan makanan dengan kerjasama Menteri Besar (Pemerbadanan) bagi komuniti pelajar, kakitangan dan keluarga yang mendiami kolej residen kampus Bestari Jaya dan Shah Alam sepanjang tempoh Perintah Larangan Pergerakan. Sejumlah 80 pelajar dan komuniti UNISEL yang bertugas di dalam kampus UNISEL Bestari Jaya mula menerima bantuan makanan di bawah Pakej Ransangan Selangor Prihatin Menangani Kesan Covid 19 (Program Makanan Percuma kepada Mahasiswa UNISEL).
- (vii) Bekerjasama dengan NGO Shah Alam dalam menyediakan bantuan makanan kepada pelajar dan kakitangan di Asrama UNISEL Shah Alam (AUSA).
- (viii) UNISEL menerusi Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti) mengeluarkan memo dalaman kepada semua pelajar antarabangsa yang menginap di kolej kediaman memaklumkan perkembangan terkini dan arahan meminimakan risiko jangkitan wabak.
- (ix) Pihak Pejabat Antarabangsa UNISEL memantau secara harian keberadaan pelajar antarabangsa menerusi borang atas talian berkaitan keberadaan mereka sama ada di dalam atau di luar negara.

- (x) Pelaksanaan kalendar khas bagi semua peringkat bagi Semester April 2020 bagi memudahkan urusan semua pemegangtaruh.
- (xi) Pihak Pemasaran dan Kemasukan turut menyediakan perancangan khusus tatacara pendaftaran pelajar baru dan lama bagi meminimakan risiko penyebaran wabak Covid-19.
- (xii) Pihak HEP menerusi Kolej Kediaman Bestari Jaya dan Asrama UNISEL Shah Alam (AUSA) turut menyediakan perancangan-perancangan khusus bagi berhadapan dengan wabak ini serta urusan berkaitan penginapan pelajar baru dan lama.
- (xiii) Sepanjang tempoh PKP dan PKPB, Unit Kaunseling HEP UNISEL turut menawarkan perkhidmatan atas talian menerusi dua grup WhatsApp bagi membolehkan pelajar mendapatkan bantuan terutama berkaitan isu sokongan.
- (xiv) Pasukan khas kaunseling dengan diketuai oleh Ketua Kaunselor dan dibantu 2 kaunselor bertauliah turut beroperasi bagi membantu isu berkaitan psikologi dalam kalangan staf dan pelajar sewaktu dalam pendemik.
- (xv) Pasukan khas HEP di lapangan turut bertugas sepanjang tempoh PKP dan PKPB dalam memantau dan membantu para pelajar Unisel yang terperangkap dan tinggal di luar kampus.
- (xvi) UNISEL turut mewujudkan 6 Zon (Utara, Selatan, Tengah, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak) bagi membantu para pelajar yang dibenarkan pulang ke rumah masing-masing oleh kerajaan sepanjang tempoh PKP dan PKPB.
- (xvii) UNISEL turut bekerjasama secara terus dengan Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi usaha pemantaun bersama dengan Pusat Kesihatan Daerah Kuala Selangor dan Pusat Kesihatan Bestari Jaya.
- (xviii) Bantuan segera oleh Unit Bantuan Zakat UNISEL turut disediakan bagi mereka yang memerlukan bantuan kecemasan. Ini termasuk bantuan makanan segera kepada pelajar yang menginap di kolej kediaman Bestari Jaya pada 21 Mac 2020.

- (xix) Pusat Pembelajaran Digital dan Multimedia Unisel (PPDM) dan Pusat Jaringan Komuniti (COMNET) turut membuka ‘*virtual office*’ bagi membantu pelajar yang perlu melaksanakan proses pembelajaran secara atas talian sepanjang Semester April 2020.

### **MAKLUMAN LANJUT**

- (i) Pihak BHEA dan PPDM telah memulakan pelan tindakan sejak Februari 2020 menerusi JK Khas di bawah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Jaringan Industri) untuk menjalankan kelas secara atas talian secara sepenuhnya. Pelan tindakan ini berkuatkuasa pada 19 Mac 2020 bagi pengendalian kuliah semester baru yang akan bermula pada 6 April 2020. Pelaksanaan kuliah menerusi atas talian adalah di portal e-learning Unisel yang turut dilengkapkan dengan aplikasi *Big Blue Button* (<http://owc.unisel.edu.my/b/>) dan *Google Meet*.
- (ii) Pejabat Pendaftar turut menyediakan perancangan khusus tatacara pendaftaran pelajar baru dan lama bagi meminimakan risiko penyebaran wabak COVID-19.
- (iii) UNISEL juga telah melakukan persediaan lengkap bagi menerima kemasukan pelajar tahun akhir dan pelajar baru bagi Semester Julai 2020 (Program Asas) dan Semester Ogos 2020 (Sarjana Muda dan Diploma). Persediaan ini telah mengambil kira arahan dan pekeliling pihak berkuasa berlandaskan prosedur yang perlu dipatuhi dari masa ke semasa.
- b) Bagi membantu pelajar UNISEL termasuk memastikan kebajikan terjamin, Kerajaan Negeri Selangor menerusi MBI telah menyalurkan bantuan kepada pelajar UNISEL serta para petugas dalam kalangan kakitangan yang bertugas menjaga kebajikan para pelajar sepanjang tempoh PKP dan PKPB. Bantuan yang disalurkan turut merangkumi pelajar yang tinggal di sekitar kampus UNISEL yang terputus akses makanan sehari. Jumlah keseluruhan yang dibelanjakan untuk UNISEL adalah **RM58,640**.

### **KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)**

- a) Jumlah pelajar yang tinggal di kampus KUIS sepanjang PKP adalah seramai 183 orang. Kebajikan pelajar KUIS diuruskan oleh Pusat Hal Ehwal Mahasiswa (PHEM) KUIS dengan dana bantuan makanan yang diberikan oleh Kerajaan

Negeri Selangor melalui Menteri Besar Incorporated (MBI), orang perseorangan, syarikat-syarikat dan juga alumni KUIS serta masyarakat sekitar yang prihatin.

- b) Pihak KUIS telah menerima bantuan daripada pihak Menteri Besar Incorporated (MBI) bagi membiayai makanan pelajar yang berada di KUIS sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti berikut:
1. Perintah Kawalan Pergerakan 1 berjumlah RM25,600.00.
  2. Perintah Kawalan Pergerakan 2 berjumlah RM44,800.00.
  3. Perintah Kawalan Pergerakan 3 berjumlah RM44,800.00.

Jumlah keseluruhan bantuan makanan yang diterima daripada MBI adalah sebanyak RM115,200.00.

Jumlah dana sumbangan Pasca Covid-19 daripada Kerajaan Negeri Selangor yang diterima pada 15 Mei 2020 adalah sebanyak RM100,000.00.

**Jumlah keseluruhan dana yang diterima daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk menguruskan pelajar KUIS sepanjang PKP adalah sebanyak RM215,200.00.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PARKIR MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR**

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah jumlah kutipan bayaran parkir MDKS sejak ia dilaksanakan sehingga kini?
- Nyatakan jumlah keseluruhan saman yang telah dikeluarkan dan berapakah peratusan saman dibayar berbanding tidak dibayar?
- Berapakah jumlah keseluruhan lot parkir yang telah digazetkan oleh MDKS?

**JAWAPAN:**

- Jumlah kutipan bayaran sewaan bulanan petak parkir Majlis Daerah Kuala Selangor oleh pihak Suasa Efektif Sdn Bhd sejak ia dilaksanakan adalah seperti berikut:-

BULAN	BIL PETAK DISEWA	SEWA BULANAN	SEWA DITERIMA	KOMPAUN	HASIL 50% KOMPAUN	SEWA PETAK KHAS 40%	JUMLAH
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	
<b>2019</b>							
SEPTEMBER	6,090	91,350.00	91,350.00	23,920.00	11,960.00	3,360.00	106,670.00
OKTOBER	6,090	91,350.00	91,350.00	61,270.00	30,635.00	2,880.00	124,865.00
NOVEMBER	6,090	91,350.00	91,350.00	63,800.00	31,900.00	480.00	123,730.00
DISEMBER	6,090	48,739.68	48,739.68	68,090.00	34,045.00	480.00	83,264.68
JUMLAH 2019	<b>6,090</b>	<b>322,789.68</b>	<b>322,789.68</b>	<b>217,080.00</b>	<b>108,540.00</b>	<b>7,200.00</b>	<b>438,529.68</b>
<b>2020</b>							
JANUARI	6,090	22,564.68	22,564.68	75,860.00	37,930.00	-	60,494.68
FEBRUARI	6,090	25,034.68	22,564.68	97,035.00	48,517.50	-	73,552.18
MAC	6,090	44,629.68	-	55,270.00	27,635.00	-	133,115.01
APRIL	6,090	105,480.01	-	1,040.00	520.00	-	
MEI	6,090	105,480.01	44,629.68	1,040.00	520.00	-	
JUMLAH 2020	<b>6,090</b>	<b>303,189.06</b>	<b>92,229.04</b>	<b>605,933.72</b>	<b>302,966.86</b>	-	<b>395,195.90</b>
JUMLAH KESELURUHAN							

BULAN	BIL PETAK DISEWA	SEWA BULANAN	SEWA DITERIMA	KOMPAUN	HASIL 50% KOMPAUN	SEWA PETA KHAS 40%	JUMLAH
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
2019 & 2020	6,090	625,978.74	415,018.72	823,013.72	411,506.86	7,200.00	833,725.58

- b) Jumlah kompaun yang dikeluarkan adalah seperti berikut:-

JUMLAH KOMPAUN YANG DIKELUARKAN	BAYAR (RM)	TIDAK BERBAYAR (RM)	PERATUSAN
53,397	27,524.00	30,708.00	48%

- c) Jumlah petak yang digazetkan adalah sebanyak 6,090 petak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : BONUS AIDILFITRI 2020 PENJAWAT AWAM SELANGOR**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan secara terperinci perbelanjaan keseluruhan, nilai pemberian mengikut gred dan jumlah penerima bonus tersebut.
- Apakah mekanisma Kerajaan Negeri menentukan jumlah pemberian tersebut?

**JAWAPAN:**

- Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke-17/2020 yang diadakan pada 6 Mei 2020 dan telah disahkan oleh (MMKN) ke-18/2020 pada 13 Mei 2020 telah meluluskan cadangan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Menangani Impak COVID-19/ Mahabbah Hari Raya Aidilfitri 1441H Tahun 2020 sebanyak RM1,000.00 kepada semua pegawai Gred 56 dan ke bawah yang berkhidmat di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor berdasarkan syarat-syarat pembayaran BKK yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Menangani Impak COVID-19/ Mahabbah Hari Raya Aidilfitri 1441H Tahun 2020. Pembayaran BKK ini ditampung dengan menggunakan peruntukan kewangan sedia ada di Jabatan dan Agensi. Setiap jabatan dan agensi dikehendaki membuat bayaran menggunakan Objek Sebagai (OS) 17000 bagi pembayaran BKK kepada kakitangan awam lantikan tetap, manakala bagi kakitangan lantikan kontrak, sementara dan sambilan hendaklah dibayar menggunakan OS29000. Merujuk kepada maklumat yang dikemukakan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) jumlah keseluruhan bayaran BKK Menangani Impak COVID-19/ Mahabbah Hari Raya Aidilfitri 1441H Tahun 2020 adalah berjumlah RM16,448,500.00 dan melibatkan seramai 16,462 penerima.
- Jumlah penerima Bantuan Khas Kewangan (BKK) Menangani Impak COVID-19/ Mahabbah Hari Raya Aidilfitri 1441H Tahun 2020 sebanyak RM1,000.00 dibayar kepada semua pegawai Gred 56 dan ke bawah dengan syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dari 1 Januari 2020 hingga 31 Mei 2020. Kelayakan pegawai yang layak dibayar adalah berdasarkan kumpulan pegawai seperti berikut:

- 1) Pegawai dan kakitangan sebahagian daripada Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
  - i. Orang Besar Daerah;
  - ii. Penyelaras DUN;
  - iii. Kakitangan YB AMMKN; dan
  - iv. Kakitangan YB ADUN.
- 2) Pegawai Perkhidmatan Awam di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
  - i. Pegawai lantikan Tetap, Sementara dan Pekerja Sambilan Harian (PSH);
  - ii. Pegawai yang sedang dipinjamkan atau tukar sementara berdasarkan gred hakiki pegawai;
  - iii. Pegawai yang dilantik secara Contract of Service (CoS)'dan Contrak for Service (CfS);
  - iv. Pegawai yang diberi kemudahan cuti separuh gaji;
  - v. Pegawai yang diberi kemudahan cuti bergaji penuh; dan
  - vi. Guru KAFA.
- 3) Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri
  - i. Pegawai dan kakitangan lantikan Pihak Berkuasa Tempatan, Anak Syarikat dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri;
  - ii. Ahli Majlis PBT; dan
  - iii. Pegawai Commisioner of Building (COB) dan One Stop Centre (OSC) PBT.
- 4) Pemimpin Masyarakat
  - i. Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK);
  - ii. Pegawai Perhubungan Perkampungan Kampung Baru/ Bagan/ Tersusun;
  - iii. Ketua Komuniti India; dan
  - iv. Pengurus dan Penyelaras Pusat Wanita Berdaya (PWB).

Bagi pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2020 sehingga 31 Mei 2020, pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2020 sehingga 31 Mei 2020, pegawai yang dikenakan

hukuman tata tertib dalam tempoh 1 Januari 2020 sehingga 31 Mei 2020 dan pegawai yang sedang menjalani hukuman tata tertib dalam tempoh 1 Januari 2020 sehingga 31 Mei 2020 tidak layak dibayar BKK.

Manakala pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan pada atau sebelum 31 Mei 2020 oleh Pihak Berkuasa Tata tertib, bayaran BKK ditangguhkan dan hanya layak dibayar BKK sekiranya Pihak Berkuasa Tata tertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

Garis Panduan Pembayaran BKK Menangani Impak COVID-19/ Mahabbah Hari Raya Aidilfitri 1441H Tahun 2020 yang ditandatangani oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor selaku Ketua Perkhidmatan Penjawat Awam Negeri Selangor telah dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri tertakluk kepada kemampuan peruntukan kewangan dan penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : SKIM AIR DARUL EHSAN**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah jumlah pemohon skim ini dan jumlah yang telah diluluskan sehingga kini?
- Nyatakan anggaran perbelanjaan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan skim ini.
- Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan pemilik akaun berkelayakan di luar bandar yang terlepas maklumat juga menerima manfaat skim ini?

**JAWAPAN:**

- Permohonan pendaftaran Skim Air Darul Ehsan (SADE) sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak 226,969. Dari jumlah ini, sebanyak 15,625 tidak dapat diproses pendaftarannya ke dalam Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) kerana sebab-sebab berikut:
  - Nombor kad pengenalan telah digunakan oleh pemohon lain;
  - Nombor meter air telah digunakan oleh pemohon lain;
  - Nombor telefon telah digunakan oleh pemohon lain; dan
  - Maklumat permohonan yang tidak lengkap seperti tidak kemukakan nombor Kad Pengenalan, alamat e-mel, nombor akaun air, alamat kediaman/ premis dan maklumat pasangan.

Selanjutnya, setelah semak silang dibuat ke atas 211,344 permohonan menggunakan data Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam kategori Bantuan Sara Hidup (BSH) bagi memastikan kesahihan permohonan berdasarkan kepada kelayakan jumlah pendapatan di bawah RM4,000.00, sebanyak 199,254 layak mendapat mendapat SADE dan 12,090 permohonan tidak layak kerana tidak memenuhi syarat pendapatan.

Dengan mengambil kira penduduk rumah pangsa kos rendah dalam kategori meter pukal yang secara automatik layak mendapat air percuma di bawah Skim Air

Darul Ehsan jumlah keseluruhan pengguna Negeri Selangor yang menikmati SADE adalah sebanyak 250,000 akaun.

- b) Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan sebanyak RM35 juta bagi menampung pembiayaan Skim Air Darul Ehsan (SADE) untuk 250,000 pengguna.
- c) Dalam usaha untuk memastikan tiada golongan sasar yang tertinggal dalam menikmati Skim Air Darul Ehsan (SADE) ini, Kerajaan Negeri telah membuka semula pendaftaran bermula pada 01 April 2020 kepada pemohon yang layak dan memenuhi syarat untuk membuat permohonan melalui pendaftaran sama ada secara atas talian melalui laman web Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) iaitu [www.ssimr.selangor.gov.my](http://www.ssimr.selangor.gov.my) atau secara manual mengisi Borang Permohonan Program IPR Skim Air Darul Ehsan. Pendaftaran kali kedua ini dibuka sepanjang tahun tetapi proses proses pengesahan pemohon yang layak melalui semakan silang dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan bermula pada 01 Julai 2020 dan pemohon akan dimaklumkan berkenaan status permohonan mereka selewat-lewatnya pada pertengahan bulan Ogos 2020.

Pada masa yang sama, pihak Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) terus melaksanakan kempen dengan lebih aktif dan efisien dengan menyediakan dan mengedarkan lebih banyak banner, bunting dan borang kepada Ketua Kampung dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk dipamerkan dan diedarkan di kawasan strategik dalam kawasan kampung dan PBT berkaitan agar pemakluman berhubung SADE sampai kepada pengguna dan memastikan pengguna yang layak mendapat manfaat SADE. Kerajaan Negeri sentiasa terbuka untuk meneliti dan memperhalusi mekanisme yang digunakan di dalam melaksanakan penjajaran semula ini bagi memastikan golongan sasar khususnya golongan berpendapatan rendah tidak terjejas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENUKARAN PAIP AIR LAMA**

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah kilometer paip air lama yang telah diganti dan yang masih belum lagi diganti.
- Berapakah kadar NRW terkini mengikut daerah?

**JAWAPAN:**

- Semenjak dari tahun 2016 sehingga tahun 2020, Air Selangor telah dan sedang melaksanakan program penggantian paip jenis "Asbestos-Cement" (AC) melibatkan 307 lokasi hotspots sepanjang 711 km. Dari jumlah ini, panjang paip yang telah siap diganti adalah 294 km. Berdasarkan kepada statistik Air Selangor setakat 31 Mei 2020, masih terdapat lebih kurang 6,196 km paip jenis AC di dalam sistem agihan yang perlu diganti.
- Kadar NRW terkini berdasarkan kiraan meter padu (m<sup>3</sup>) mengikut wilayah Air Selangor adalah seperti berikut:

No	Wilayah	NRW sehingga 30 April 2020 (%)
1	Petaling	22.37%
2	Klang	38.69%
3	Kuala Lumpur	26.54%
4	Gombak	32.68%
5	Hulu Langat	31.89%
6	Sepang	16.60%
7	Hulu Selangor	32.19%
8	Kuala Langat	30.07%
9	Kuala Selangor	34.06%
10	Sabak Bernam	32.63%
<b>NRW keseluruhan Air Selangor</b>		<b>30.08%</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : WIFI SELANGORKU**

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah hotspot Wifi Selangorku di kawasan Hulu Bernam.
- b) Nyatakan jumlah kos operasi dan baik pulih sistem Wifi Selangorku di kawasan Hulu Bernam.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : SUMBANGAN CSR**

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan sumbangan CSR anak syarikat MBI sepanjang Januari sehingga Jun tahun 2020 mengikut kawasan dan jumlah sumbangan.
- b) Nyatakan jumlah sumbangan Kumpulan Semesta Sdn Bhd bagi tahun 2018-2020.

**JAWAPAN:**

- a) Senarai dan jumlah sumbangan CSR oleh KSSB di sekitar negeri Selangor sepanjang Januari sehingga Jun 2020 adalah seperti berikut:-

No	Penerima	Perincian Sumbangan/ Tajuk Program	Jumlah (RM)
1.	Rumah-rumah ibadat seperti Masjid, Surau dan lain-lain	Sumbangan bagi program Ihya Ramadhan & Syawal/ aktiviti atau program keagamaan/ baik pulih	20,000.00
2.	Kelab/ Persatuan penduduk/ Kelab sukan/ Kampung/ Universiti/ Program setempat/ pihak berkaitan	Sumbangan peralatan awam, bagi kejohanan, aktiviti kesukanan, sumbangan pasir, pembelian tanaman/ pokok, program alam sekitar dan lain-lain	30,398.38
3.	Sekolah, Pusat Tahfiz dan lain-lain	Sumbangan program seperti kecemerlangan pelajar, program bermanfaat pelajar dan lain-lain	5,000.00
4.	Bantuan individu yang layak	Sumbangan bencana seperti kebakaran dan lain-lain	5,000.00
5.	Keperluan barisan hadapan seperti Hospital dan lain-lain	Cecair pembasmi kuman, sarung tangan getah dan lain-lain barang keperluan pencegahan	138,546.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>198,944.38</b>

- b) Jumlah sumbangan KSSB bagi tahun 2018 – Jun 2020 adalah seperti berikut:-

<b>(RM'Juta)</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>	<b>Sehingga Jun 2020</b>
Royalti	15,773,460	19,237,268	6,269,225
HORAS 600	20,226,141	36,041	-
Sumbangan Tunai kepada Kerajaan Negeri	1,694,005	6,482,788	2,000,000
Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)	461,580	572,310	198,944
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>38,155,186</b>	<b>26,328,407</b>	<b>8,468,169</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PELANCONGAN**

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan projek menaiktaraf pelancongan bagi tahun 2020 di seluruh Selangor yang telah dimulakan projek.
- b) Nyatakan prestasi terkini aktiviti eko pelancongan di seluruh Selangor dan nyatakan lokasi yang berpotensi dibangunkan untuk menjadi tempat pelancongan yang baru.

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan telah memperuntukkan dana sebanyak RM1.5 juta bagi tujuan menaik taraf projek-projek kecil pelancongan di dalam Negeri Selangor.

Untuk makluman, pada tahun ini Kerajaan Negeri memfokuskan untuk menyiapkan projek menaik taraf Rumah Rehat Sri Berkat di Bukit Fraser di dalam Daerah Hulu Selangor yang sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf ini masih lagi berjalan dan kini berada di fasa pendawaian kabel elektrik dan urusan pemasangan perkakasan dalaman. Adalah dijangka projek naiktaraf ini akan selesai sedikit masa lagi.

- b) Eko pelancongan merupakan antara tarikan utama di Malaysia dan Negeri Selangor merupakan antara penyumbang tertinggi di Malaysia daripada segmen eko pelancongan. Hutan di Malaysia masih dianggap hebat dan cantik menyebabkan ramai pelancong luar negara mahu datang ke Malaysia. Seterusnya, konsep inap desa/ inap dusun dan sebagainya membuatkan pelancong luar negara malahan pelancong tempatan yang tinggal di bandar juga turut mahu merasainya yang mana mereka rasakan konsep sebegini harus diteruskan kerana ianya juga memberi pendapatan kepada penduduk kampung/desa dan juga produk-produk pelancongan sekitar.

Negeri Selangor sendiri memang terkenal sebagai destinasi eko pelancongan melalui keunikan dan keindahan alam semulajadi dengan Hutan Hujan Tropika yang masih hijau, tinggi dengan kepelbagaiannya biologi, mempunyai sungai serta air

terjun yang menarik. Lokasi yang berpotensi dibangunkan untuk menjadi tempat pelancongan yang baru mengikut daerah adalah seperti berikut:-

**i. Hulu Selangor**

- Aktiviti ‘Stargazing’ (aktiviti melihat bintang di waktu malam) di Empangan Sungai Selangor
- Air Terjun Lata Medang (aktiviti hiking/ trekking)
- Jejak Warisan Kuala Kubu Bharu (aktiviti berjalan kaki menjelajah bangunan dan monumen bersejarah di sekitar bandar Kuala Kubu Bharu)

**ii. Kuala Selangor**

- Taman Agroteknologi MARDI, Tanjung Karang
- Greenhouse D Jeram
- Sembilang Eco Resort
- Homestay Bukit Cherakah (telah mendapat kelulusan MOTAC)
- Pantai Sg.Kajang, Tanjung Karang
- Homestay Sg.Sembilang (telah mendapat kelulusan MOTAC)

**iii. Sabak Bernam**

- Ladang Teh Lemon Myrtle di Sekinchan (ladang teh yang mempunyai lanskap menarik & instagrammable)
- ‘Blue Tears’ (plankton berwarna biru di permukaan laut yang terjadi daripada pantulan cahaya bulan)

**iv. Klang**

- ‘Water Taxi’ di Sungai Klang (Projek pembangunan Sungai Klang)
- Produk Pelancongan Kampung Bukit Kapar (Pembuatan gasing, kompang, belacan dan seni mempertahankan diri Silat Saudara)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : MENANGANI KENAIKAN KOS SARA HIDUP**

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif baharu Kerajaan Negeri bagi membantu rakyat Selangor menghadapi isu kenaikan kos sara hidup untuk tahun 2020?
- b) Apakah usahasama Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bagi menangani masalah tersebut?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : HIJRAH SELANGOR**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan statistik terkini peminjam HIJRAH Selangor mengikut kaum, umur dan jantina mengikut daerah di Selangor.
- Nyatakan jumlah peratusan peminjam yang gagal membayar semula pembayaran pinjaman.

**JAWAPAN:**

- Statistik terkini peminjam HIJRAH Selangor mengikut umur, dan jantina mengikut daerah di Selangor adalah seperti berikut :

UMUR	30 tahun ke bawah		31 - 50 tahun		51 tahun ke atas		BIL PESERTA	BIL PINJAMAN
GOMBAK	1,073	1,148	3,903	4,480	1,344	1,635	6,320	7,243
HULU LANGAT	918	1,042	4,191	5,039	1,284	1,578	6,371	7,657
HULU SELANGOR	314	418	1,640	2,245	678	989	2,632	3,850
KLANG	1,306	1,611	5,008	6,882	1,478	2,075	7,788	10,368
KUALA LANGAT	467	534	1,874	2,288	637	788	2,978	3,586
KUALA SELANGOR	808	944	2,803	3,568	1,082	1,391	4,673	5,903
PETALING	1,916	2,239	8,373	10,387	2,689	3,443	12,978	16,089
SABAK BERNAM	1,470	1,714	3,311	4,127	1,586	2,086	6,387	7,907
SEPANG	541	624	2,234	2,773	740	933	3,515	4,330
JUMLAH	8,811	10,272	33,335	41,547	11,476	14,894	53,622	66,713

Berdasarkan data di atas menunjukkan umur peminjam HIJRAH adalah 8,811 merupakan peminjam berumur di bawah 30 tahun, 33,335 berumur di bawah 50 tahun dan 11,476 berumur 51 tahun dan ke atas.

JANTINA	LELAKI		PEREMPUAN		BIL PESERTA	BIL PINJAMAN
GOMBAK	2,375	2,614	3,945	4,629	6,320	7,243
HULU LANGAT	2,364	2,748	4,007	4,909	6,371	7,657
HULU SELANGOR	797	1,078	1,835	2,572	2,632	3,650
KLANG	3,148	3,965	4,640	6,403	7,788	10,368
KUALA LANGAT	1,096	1,296	1,882	2,290	2,978	3,586
KUALA SELANGOR	1,950	2,353	2,723	3,550	4,673	5,903
PETALING	5,451	6,507	7,527	9,562	12,978	16,069
SABAK BERNAM	3,068	3,713	3,299	4,194	6,387	7,907
SEPANG	1,281	1,517	2,234	2,813	3,515	4,330
JUMLAH	21,530	25,791	32,092	40,922	53,622	66,713

Berdasarkan data di atas, terdapat seramai 21,530 bilangan peminjam lelaki dan 32,092 bilangan peminjam perempuan. Ini menunjukkan lebih ramai peminjam perempuan berbanding peminjam lelaki. Walau bagaimanapun, bilangannya tidak jauh berbeza.

KAUM	CINA		INDIA		MELAYU		BIL PESERTA	BIL PINJAMAN
GOMBAK	64	85	299	328	5,657	6,830	6,320	7,243
HULU LANGAT	75	85	243	266	6,053	7,306	6,371	7,657
HULU SELANGOR	108	166	260	367	2,284	3,117	2,632	3,650
KLANG	139	186	943	1,079	6,706	9,103	7,788	10,368
KUALA LANGAT	60	72	257	302	2,661	3,212	2,978	3,586
KUALA SELANGOR	50	64	245	311	4,378	5,528	4,673	5,903
PETALING	164	199	892	1,064	11,922	14,806	12,978	16,069
SABAK BERNAM	108	136	77	99	6,182	7,672	6,387	7,907
SEPANG	171	193	165	194	3,179	3,943	3,515	4,330
JUMLAH	939	1,186	3,381	4,010	49,302	61,517	53,622	66,713

Berdasarkan data kaum di HIJRAH Selangor, terdapat seramai 939 peminjam kaum Cina, 3,381 kaum India dan 49,302 kaum Melayu. Walaupun jelas pencapaian mengikut kaum itu mempunyai jurang besar, namun usaha-usaha tetap dijalankan bagi meningkatkan penyertaan kaum Cina dan India ini. Misalnya mulai tahun 2020 ini telah menubuhkan satu unit khas Inkubutor India dan penyerapan program SHITAM ke dalam HIJRAH untuk meningkatkan penyertaan kaum india.

- b) Jumlah peratusan peminjam yang gagal membayar semula pembayaran pinjaman adalah 1.3%.

Kaedah pengiraan :

- i) Bilangan Peminjam Keseluruhan HIJRAH Selangor = 53,622 orang
- ii) Peminjam yang tidak membuat bayaran langsung melebihi 12 minggu (3 bulan) = 709 orang

Formula :(ii) bahagi (i) x 100

$$709 / 53,622 \times 100$$

$$= 1.32\%$$

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : COVID-19**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah bajet dan inisiatif yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi membendung wabak ini daripada terus merebak.
- b) Nyatakan secara terperinci inisiatif Kerajaan Negeri dalam pecahan kawasan DUN.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PENJUALAN ARAK**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan garis panduan penjualan arak mengikut PBT di Selangor.
- Apakah langkah Kerajaan Negeri Selangor bagi membendung gejala memandu ketika mabuk di kawasan Negeri Selangor terutamanya kawasan bandar?

**JAWAPAN:**

- Pada masa ini, PBT hanya mengeluarkan lesen perniagaan berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan sama ada untuk perniagaan besar, sederhana dan kecil. Setiap perniagaan yang melibatkan penjualan arak perlu mendapat tambahan lesen/ permit khas arak yang dinyatakan di bawah Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta176).

Untuk makluman, di Negeri Selangor, kuasa melulus lesen/ permit khas penjualan arak adalah di bawah bidang kuasa pihak Lembaga Pelesenan Eksais Pejabat Daerah dan Tanah. Oleh yang demikian, penjualan arak berdasarkan Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta176) adalah tidak dibenarkan sekiranya tidak mendapat kelulusan oleh Lembaga Pelesenan Eksais Pejabat Daerah dan Tanah.

Memandangkan kelulusan bagi menjual arak bukan di bawah bidang kuasa PBT, tiada keperluan untuk mewujudkan garis panduan di setiap PBT. Walau bagaimanapun, PBT sedia memberi kerjasama dalam melaksanakan pemantauan ke atas perniagaan-perniagaan yang menerima kelulusan lesen penjualan arak bagi memastikan perniagaan ini adalah dalam keadaan terkawal. Tindakan penguatkuasaan seperti kompaun dan notis berhenti niaga boleh dikenakan ke atas kedai yang menjual arak tanpa lesen.

- Berkaitan langkah-langkah bagi membendung gejala memandu ketika mabuk, ingin dijelaskan bahawa aktiviti-aktiviti berkaitan pemanduan kenderaan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedia memberi input

sekiranya apa-apa peraturan yang ingin dipinda bagi mengawal isu yang melibatkan memandu ketika mabuk terutama di kawasan bandar.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui PBT akan meneliti sekiranya terdapat keperluan bagi melaksanakan kempen kepada masyarakat khususnya melibatkan premis-premis yang membekal, menjual dan menghidang minuman beralkohol dalam membendung serta mengawal gejala memandu di bawah pengaruh alkohol.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : MASALAH ANJING LIAR**

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah terkini bagi membendung masalah anjing liar yang sering mengganggu ketenteraman awam mengikut PBT?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang berhormat, pelbagai langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membendung masalah anjing liar adalah dengan:
- i. Kerajaan Negeri menyelaras agar semua PBT menggunakan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT;
  - ii. Operasi bersepadu penangkapan anjing liar secara berterusan berdasarkan aduan dan pemantauan;
  - iii. Memperkemas dan memantapkan *team in house* Majlis;
  - iv. Mengadakan program anjing angkat sepanjang tahun di mana anjing-anjing yang terbiar yang ditangkap akan diberi kepada orang awam yang ingin memelihara anjing tersebut; dan
  - v. Kempen pelesenan anjing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PEKAN SUNGAI AIR TAWAR**

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memajukan kawasan Pekan Sungai Air Tawar sebagai pusat ekonomi di bawah skim Smart Selangor seperti Pekan Bagan Terap?
- b) Nyatakan anggaran peruntukan yang akan diperuntukkan untuk pembangunan tersebut.
- c) Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan proses pengambilan semula tanah atau memajukan kawasan tanah kerajaan sedia ada?

**JAWAPAN:**

- a) MDSB telah memasukkan pembangunan Sungai Air Tawar ke dalam cadangan Pembangunan Pekan-Pekan Kecil bagi Daerah Sabak Bernam. Untuk melaksanakan pembangunan melalui Skim SMART Selangor, pengambilan tanah perlu dibuat kerana hampir keseluruhan Pekan Sg. Air Tawar merupakan tanah hakmilik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dilaporkan bahawa Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) salah satu anak syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Selangor telah tidak menyumbang kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2019, apakah faktor menyebabkan perkara tersebut terjadi?
- b) Adakah syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad mengalami kerugian, apakah punca dan faktor berlakunya kerugian tersebut?
- c) Nyatakan jumlah kerugian syarikat tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) dan b)

Pada tahun 2019, syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB), yang kini telah dinamakan Air Selangor Holdings Berhad (AIS Holdings) bermula 28 Mei 2020, mengalami kerugian akibat daripada penstrukturran semula kumpulan berikutan pelupusan anak-anak syarikat dan perniagaan AIS Holdings yang tidak berkaitan dengan air kepada Menteri Besar Incorporated (MBI).

Pelupusan ini adalah sebahagian daripada penstrukturran semula Kumpulan AIS Holdings di mana Kumpulan AIS Holdings hanya akan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan air.

- c) Kerugian syarikat pada tahun 2019 adalah RM123,997,000.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : WIFI SELANGORKU**

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan kerjasama dengan syarikat telco sedia ada untuk Program Wifi Smart Selangor setelah kontrak mereka tamat?
- b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan melantik syarikat telco lain untuk meneruskan Program Wifi Selangorku?
- c) Syarikat apakah yang menjadi pertimbangan Kerajaan Negeri dan apakah perjanjian kelak akan memberi faedah kepada Kerajaan Negeri dan rakyat Selangor?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PASUKAN TASK FORCE WABAK COVID-19 SELANGOR**

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada pasukan task force Covid-19 yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- b) Sejauh manakah keberkesanan pasukan tersebut dalam mengekang wabak Covid-19 di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**